



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***LEKSIKON BERUNSURKAN SOSIOBUDAYA DALAM MANUSKRIP
MELAYU TRADISIONAL***

NURFARHANA SHAHIRA BINTI ROSLY

FBMK 2018 32



**LEKSIKON BERUNSURKAN SOSIOBUDAYA DALAM MANUSKRIP
MELAYU TRADISIONAL**



Oleh

NURFARHANA SHAHIRA BINTI ROSLY

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2018



© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Alhamdulillah Ya Rabbi

*Syukur kepadaMu
Atas nikmat ujian bersama hikmah
Kerna nikmatnya luarbiasa
Dan hanya KAU yang mengetahui*

*Bonda tersayang, **Hajah Rashidah Binti Din,**
Ayahanda tercinta, **Haji Rosly Bin Abd Rahman,**
Tulus kasih ku kalungkan buat kalian,
Yang selamanya menjadi teman,
Jatuh bangun aku dalam perjuangan kehidupan.
Semoga Dia hadiahkan kalian ketenangan
Juga keredhaan sepanjang perjalanan.*

*Buat kesayangan,
Adik-beradik, ipar-duai, anak saudara,
Saudara-mara jauh dekat,
Tiada kata mampu bersuara,
Terima kasih untuk pegangan erat.*

*Buat pendidik yang dikasihi,
Prof. Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop (Penyelia tesis),
Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abd. Aziz (Jawatankuasa penyeliaan)
Dr. Hasnah Mohamad (Jawatankuasa penyeliaan)
Juga guru-guru di zaman persekolahan,
Walau yang diajar cuma senyum ketawa,
Atau seringkas hanya satu aksara,
Terima kasih untuk semua,
Titipan doa agar kalian tenang sentiasa.*

*Khas buat sahabat istimewa,
Sahabat di Universiti Putra Malaysia,
Sahabat di Perak Darul Ridzuan,
Serta sahabat sekalian yang berada di atas bumi Sang Pencipta,
Terima kasih untuk jatuh bangun bersama, tangis duka bersama,
Tubuhku tak sunyi ditelan sepi, kerna kalian sentiasa di sisi, biar aku lalui hidup hanya
dengan si kiri, si kanan dilengkapi dengan kalian penyeri.*

*Hadirnya kalian mengisi kebahagiaan hidupku, berkongsi isi hati, menyokong segala
yang tidak pasti, membuat aku makin kagumi nikmat Allah swt itu bernilai tinggi.
Terima kasih ku hembus ke hati kalian
Semoga sentiasa dibawah kasih sayang dan rahmatNYA.
Moga Allah membalas segala kebaikan kalian dengan sebaik-baik kebaikan.*

Semoga Allah Redha

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

LEKSIKON BERUNSURKAN SOSIOBUDAYA DALAM MANUSKRIP MELAYU TRADISIONAL

Oleh

NURFARHANA SHAHIRA BINTI ROSLY

Mac 2018

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kehadiran leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional bukan sahaja mencerminkan kekayaan leksikon Melayu sejak zaman dahulu, malah menggambarkan keadaan masyarakat yang kaya dengan ilmu kehidupan termasuklah ilmu sastera, penulisan, teknologi dan lain-lain. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkategorikan leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional, menganalisis leksikon berunsur sosiobudaya berdasarkan Teori Sociolinguistik Holmes (2013) serta merumuskan perkaitan antara leksikon berunsur sosiobudaya dengan latar sosial dalam manuskrip Melayu tradisional. Kajian ini menumpukan kepada tiga buah manuskrip abad ke-19 sebagai bahan kajian, iaitu *Hikayat Ahmad Muhammad*, *Syair Siti Zubaidah Perang China* dan juga *Syair Madhi*. Model Lima Kumpulan Unsur Budaya Newmark (1988) telah dijadikan mandala kajian Teori Sociolinguistik Holmes (2013) telah bertindak sebagai teori kajian. Selain itu, kaedah kajian merangkumi kaedah kepustakaan serta analisis teks. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat 234 leksikon yang sesuai diangkat menjadi data kajian. Malah, terdapat 22 leksikon berunsurkan sosiobudaya yang masih belum terdapat dalam senarai rujukan PRPM, 37 leksikon berunsurkan sosiobudaya yang tidak tersenarai dalam Kamus Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson serta banyak lagi leksikon berunsurkan sosiobudaya yang tidak dilihat menerusi Glosari Perpustakaan Negara Malaysia. Seterusnya, leksikon berunsurkan sosiobudaya yang terdapat dalam ketiga-tiga manuskrip tersebut memperlihatkan hubungan yang kukuh dengan keadaan latar belakang kehidupan masyarakat. Justeru, ketiadaan leksikon ini dalam senarai rujukan utama negara boleh dipertimbang untuk disenaraikan. Hal ini sebagai langkah bagi menambah dan memperkaya bilangan leksikon Melayu. Usaha-usaha menilai dan meneliti manuskrip dan leksikon Melayu perlu digiatkan lagi oleh pihak yang terlibat bagi tujuan mengembalikan dan mengesahkan semula keagungan bahasa Melayu di mata dunia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the Doctor of Philosophy

SOCIOCULTURAL LEXICON IN TRADITIONAL MALAY MANUSCRIPT

By

NURFARHANA SHAHIRA BINTI ROSLY

March 2018

Chair : Associate Professor Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The presence of sociocultural lexicons in the Traditional Malay manuscript not only reflect the richness of Malay lexicons since ancient times, but also illustrate the knowledge of life among community including literature, writing, technology and others. This study was conducted to categorized the sociocultural lexicons in traditional Malay manuscripts, to analyze the sociocultural lexicons based on the Sociolinguistics Theory by Holmes (2013) and to sum up the link between sociocultural lexicon with social background in traditional Malay manuscripts. This study focused on three manuscripts on 19th century as the objects of the study, namely *Hikayat Ahmad Muhammad*, *Syair Siti Zubaidah Perang China* and *Syair Madhi*. The Five Elements of Culture Model by Newmark (1988) were used as the domain in the process of data elaboration while Sociolinguistics Theory by Holmes (2013) acted as the approach and theory for data analysis. The research methods used in this study include literature method and text analysis. The finding showed that more than 234 lexicons are suitable to become a surveys data. In fact, there are 22 sociocultural lexicons that are still not available in the PRPM's list, 39 sociocultural lexicons were absent in the listed of Javanese-Malay-English Dictionary by Wilkinson and many more sociocultural vocabulary were not visible through the Glossary of the National Library. Furthermore, the lexicons in that three manuscript were also strongly related to the background conditions of people. Thus, the absence of the lexicons can be considered to be listed in the main reference. It can also increase and enrich the Malay lexicons. Efforts to assess and examine the manuscript and Malay lexicons must be intensified by relevant parties to restore and reaffirm the greatness of Malay language all over the world.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya serta ruang dan masa yang diatur, dapat saya menyiapkan tesis ini dengan lancar. Kejayaan ini ditujukan istimewa buat bonda Hajah Rashidah Binti Din dan ayahanda Haji Rosly bin Abd Rahman yang sentiasa di sisi menjadi penyokong, pemberi sangat dan pendengar yang baik untuk diri ini. Alhamdulillah atas kurniaan nikmat Allah SWT yang tidak ternilai ini. Khas buat adik-beradik tersayang serta keluarga, terima kasih kerana sentiasa berusaha untuk diri ini pada saat susah dan senang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat Profesor Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop (selaku pengerusi) kerana banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang mengajar diri ini untuk terus berusaha untuk mengecapi sebuah kejayaan. Terima kasih juga buat Profesor Madya Dr. Adi Yasran dan Dr. Hasnah Mohamad (selaku ahli) yang turut memberi kata nasihat dan semangat untuk diri ini.

Sekalung budi terima kasih buat semua pensyarah dan kakitangan sokongan serta rakan seperjuangan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia kerana banyak membantu dalam usaha mengumpul data kajian. Jasa dan budi kalian hanya Allah SWT yang dapat membalasnya. Jutaan terima kasih diucapkan dan semoga kalian sentiasa berada dalam rahmat Illahi.

Akhir kata, terima kasih kalian yang banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini. Hanya doa yang mampu saya hadiahkan buat kalian, semoga kalian terus gigih berjuang di jalan aturan Allah SWT ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan kalian dengan sebaik-baik kebaikan.

BERILMU BERBAKTI

Nurfarhana Shahira Binti Rosly
GS 43547

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (tarikh viva voce) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (Nurfarhana Shahira Binti Rosly) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk (Leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Nusantara) mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah (Doktor Falsafah Bahasa Melayu).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim Bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norazlina Binti Haji Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD

Profesor Madya
School of Language Studies and Linguistics
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

(Prof. Dr. Nor Aini Ab. Shukor, PhD)

Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Abd. Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hasnah Mohamad, PhD

Pensyarah kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurfarhana Shahira Binti Rosly (GS 43547)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa;

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012/2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____


Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: _____



COPYRIGHT



UPPM

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	v
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan masalah	2
1.3 Persoalan kajian	5
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Kepentingan kajian	5
1.6 Skop kajian	6
1.7 Definisi operasional	8
2 SOROTAN KAJIAN	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip Melayu	11
2.3 Model Lima Kumpulan Unsur Budaya Newmark (1988)	22
2.4 Teori Sociolinguistik Holmes (2013)	23
2.3 Perkaitan antara kajian lepas dengan kajian ini	25
3 METODOLOGI	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Bahan Kajian	27
3.3.1 Ringkasan berkenaan manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	28
3.3.2 Ringkasan berkenaan manuskrip <i>Syair Siti Zubaidah Perang China</i>	29
3.3.3 Ringkasan berkenaan manuskrip <i>Syair Madhi</i>	29
3.4 Kaedah Kajian	29
3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data	31
3.4.2 Kaedah Penganalisan Data	32
3.5 Model Analisis	33

3.6	Kerangka Konsepsi	41
3.7	Tatacara kajian	42
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	43
4.1	Pengenalan	43
4.2	Pengkategorian leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya Newmark (1988)	43
4.3	Penganalisan leksikon berunsurkan Menggunakan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013)	104
4.4	Rumusan leksikon berunsurkan sosiobudaya Dengan latar sosial dalam manuskrip Melayu Tradisional	142
4.5	Implikasi dapatan kajian	154
4.6	Kesimpulan	156
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	157
5.1	Kesimpulan	157
5.2	Cadangan	159
	BIBLIOGRAFI	160
	LAMPIRAN	179
	BIODATA PELAJAR	180
	PENERBITAN	181

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka teori	33
2	Teori Sociolinguistik Holmes (2013)	35
3	Kerangka konsepsi	41
4	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	142
5	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip SSZPC	143
6	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip <i>Syair Madhi</i>	144
7	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip Melayu Tradisional	145
8	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Ekologi) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	145
9	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Bahan Budaya dan Artifak) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	147
10	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Budaya Sosial) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	149
11	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Badan Pertubuhan, Adat, Aktiviti Keagamaan, Konsep) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	151
12	Carta Pai bagi Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Gerak Laku dan Tabiat) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	153

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Leksikon berunsurkan Ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	43
2	Leksikon berunsurkan Ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip SSZPC	46
3	Leksikon berunsurkan Ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Syair Madhi</i>	48
4	Leksikon berunsurkan Bahan Budaya dan Artifak berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	50
5	Leksikon berunsurkan Bahan Budaya dan Artifak Berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip SSZPC	51
6	Leksikon berunsurkan Bahan Budaya dan Artifak Berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Syair Madhi</i>	56
7	Leksikon berunsurkan Budaya Sosial berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	60
8	Leksikon berunsurkan Budaya Sosial berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip SSZPC	63
9	Leksikon berunsurkan Budaya Sosial berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Syair Madhi</i>	71

10	Leksikon berunsurkan Badan Pertubuhan, Adat, Aktiviti Keagamaan dan Konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	78
11	Leksikon berunsurkan Badan Pertubuhan, Adat, Aktiviti Keagamaan dan Konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip SSZPC	80
12	Leksikon berunsurkan Badan Pertubuhan, Adat, Aktiviti Keagamaan dan Konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Syair Madhi</i>	86
13	Leksikon berunsurkan Gerak Laku dan Tabiat berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	90
14	Leksikon berunsurkan Gerak Laku dan Tabiat berdasarkan (Model Lima Kumpulan Unsur Budaya Newmark, 1988) menerusi manuskrip SSZPC	91
15	Leksikon berunsurkan Gerak Laku dan Tabiat berdasarkan (Model Lima Kumpulan Unsur Budaya Newmark, 1988) menerusi manuskrip <i>Syair Madhi</i>	96
16	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip <i>Hikayat Ahmad Muhammad</i>	142
17	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip SSZPC	143
18	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip <i>Syair Madhi</i>	144
19	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip Melayu Tradisional	144
20	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Ekologi) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	145
21	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Bahan Budaya dan Artifak) dalam Manuskrip Melayu Tradisional	147
22	Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Budaya Sosial)	149

dalam Manuskrip Melayu Tradisional

- | | | |
|----|--|-----|
| 23 | Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Badan Pertubuhan, Adat, Aktiviti Keagamaan, Konsep) dalam Manuskrip Melayu Tradisional | 151 |
| 24 | Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya (Gerak Laku dan Tabiat) dalam Manuskrip Melayu Tradisional | 152 |



SENARAI SINGKATAN

SSPZPC	<i>Syair Siti Zubaidah Perang China</i>
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan secara menyeluruh mengenai kajian yang akan dilaksanakan dengan pembahagian subtopik kecil, iaitu objektif kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi istilah yang berkaitan. Latar belakang kajian melibatkan kupasan serba sedikit mengenai kajian yang akan dijalankan secara langsung dan tidak langsung. Seterusnya ialah pernyataan masalah akan menerangkan masalah-masalah yang wujud setelah kajian lepas dilaksanakan. Maka, pernyataan masalah tersebut terus menjurus ke arah penetapan objektif kajian. Selain itu, kepentingan kajian merupakan sasaran hasil kajian, iaitu aspek serta impak yang memberikan kesan terhadap pihak-pihak yang berkaitan. Akhir bab ini akan memperincikan secara mendalam mengenai definisi istilah utama yang digunakan dalam kajian.

Proses menyingkap semula perjalanan sejarah bahasa Melayu yang luas meliputi Asia Tenggara mampu mengembalikan semula jati diri bangsa yang semakin hilang seperti mana kita melihat kefahaman masyarakat Indonesia yang kurang memahami baris ungkapan dalam filem di Malaysia, malah kita masyarakat Malaysia juga sedemikian walhal kita lahir dan hidup dalam ruang lingkungan rumpun yang sama. Hassan Ahmad (2003) mengatakan bahawa bangsa yang maju di dunia sejak zaman dahulu sehingga zaman “moden” hari ini ialah bangsa yang dapat menghasilkan ilmu teknologi, sastera, penerbitan, penulisan dengan menggunakan bahasanya sendiri, dan bukan bahasa orang lain. Keagungan sesebuah bahasa turut dilihat menerusi penguasaan leksikon penggunanya. Menurut Tarigan (2011), penguasaan bahasa seseorang individu sangat bergantung kepada kualiti dan kuantiti leksikon yang dimilikinya.

Selain menjadi lambang keilmuan dan penentuan tahap penguasaan bahasa seseorang, kehadiran leksikon dalam manuskrip mampu menjadi tali pengikat kepada jalinan bangsa Melayu seantero Asia Tenggara dan cerminan keagungan bidang penulisan sejak zaman dahulu. Hal ini berikutan sejarah berlangsung menerusi kehidupan masyarakat sekitarnya sehingga mendasari catatan tulisan, iaitu mesej penting melalui kewujudan sesebuah manuskrip. Melihat kepada keupayaan manuskrip yang menjadi bukti bertulis bahasa Melayu terawal (Abdul Razak Abdul Karim, 1994), kajian mengenai leksikon dalam manuskrip dilihat mampu memberikan impak besar kepada penguasaan leksikon dalam kalangan masyarakat. Kita digalakkan memperbaharui pemahaman terhadap istilah “manuskrip Melayu” serta berusaha membentuk kaedah kajian manuskrip Melayu yang tersendiri supaya tidak ada manuskrip yang terabai dan proses interpretasinya tidak berada di atas fundamental yang mengelirukan (Amer Hudhaifah Hamzah, 2017).

Leksikon dalam manuskrip Melayu dilihat dapat dipertalikan dan dihubungkan dengan keadaan sosiobudaya sesuatu masyarakat. Aspek leksikon berunsur kehidupan bermasyarakat dalam manuskrip Melayu dapat memberi kesan terhadap penggunaan bahasa sesebuah masyarakat, menyampaikan elemen pembelajaran serta membuktikan keagungan leksikon Melayu yang telah terhasil sejak zaman dahulu. Selain itu, perkaitan leksikon berunsur sosiobudaya dengan manuskrip Melayu juga dilihat mampu memberi kesan positif kepada usaha pembinaan bangsa, negara seterusnya peradaban. Zainal Kling (2017) mengatakan kajian manuskrip Melayu menjadi tanggungjawab masyarakat sepanjang masa, terutamanya kita di Malaysia yang sedang berusaha sebaiknya bagi membina sebuah bangsa, negara serta peradaban setelah sejak 60 tahun lepas menguasai pemerintahan negara sendiri. Zainal Kling (2017) turut menjelaskan dorongan bagi mengkaji semua sumber termasuk kebudayaan, manuskrip, sastera, linguistik dan antropologi adalah bagi membina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berikutan bermula daripada bahasa, kita dapat menaiki terus ke peringkat global. Malah, turut dikatakan bahawa tulisan siber atau tulisan tangan adalah petanda yang paling utuh mengenai kewujudan sesebuah tamadun dan peradaban.

Oleh itu, keterlibatan hubungan kedua-dua aspek, iaitu leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional dengan keadaan masyarakat menjadi bidang penggerak yang utama kepada pelaksanaan kajian ini. Ternyata, penelitian mengenai leksikon dalam manuskrip Melayu bukan sahaja dapat menjadi cerminan keagungan bahasa, budaya dan bangsa Melayu, malah aspek yang diketengahkan, iaitu berkenaan aspek leksikon berada di atas landasan yang betul kerana hadir menerusi bukti bertulis bahasa Melayu terawal. Penghasilan senarai leksikon di akhir kajian juga sebagai usaha mencerminkan keagungan bangsa Melayu menerusi bahasanya. Selain itu, penyenaaran semula leksikon yang semakin ditinggalkan dalam bentuk senarai kata ini juga merupakan salah satu tindakan bagi melambatkan proses kepupusan bahasa dan cerminan budaya sesebuah masyarakat. Ogilvie (2011) menjelaskan satu kaedah yang kreatif bagi melambatkan kepupusan bahasa adalah dengan mendokumentasikan bahasa tersebut dalam bentuk kamus. Malah, kehadiran senarai leksikon juga dapat bertindak sebagai lambang budaya bagi masyarakat tertentu. Selaras dengan pernyataan Dolezal (2012), selain berperanan dalam aspek pragmatik, kamus juga menjadi “tingkap” dalam usaha memahami budaya masyarakat yang dikaji.

1.2 Pernyataan Masalah

Harun Mat Piah (2016) yang merupakan pengkaji teks sastera Melayu klasik dan juga Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengatakan teks sastera termasuk manuskrip Melayu menyimpan khazanah ilmu yang tinggi namun terdapat ratusan manuskrip Melayu termasuk di luar negara masih belum diselidiki sedalam-dalamnya sehingga tidak dapat dimanfaatkan kepada masyarakat hari ini. Selain itu, menurut Muhyiddin Yassin (2014) para pengkaji tempatan dan penuntut peringkat sarjana diharapkan dapat melakukan kajian berkenaan manuskrip Melayu yang terdapat di negara-negara tertentu. Asmak Hj Ali & Fatimah Hj Salleh (2013) juga menjelaskan setakat ini hanya kira-kira 30% daripada 10 000

manuskrip Melayu di seluruh dunia yang telah dikaji secara mendalam. Zainal Kling (2017) turut mengatakan masyarakat Melayu kini kekurangan pakar dalam yang boleh mengkaji manuskrip lama. Kajian daripada semua sumber termasuk antropologi, manuskrip, sastera dan linguistik perlu didorong bagi membina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sehingga mampu untuk terus ke peringkat global. Maka, pernyataan ini selaras dengan objektif kajian, iaitu untuk mengkategorikan, menganalisis dan merumuskan leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu yang mampu menjadi cerminan kepada keagungan bahasa dan bangsa Melayu.

Penelitian berhubung aspek leksikon selaras dengan pelbagai isu yang sering diketengahkan berkenaan aspek tersebut. Abdul Razak Abdul Karim (1996) turut mengatakan bahawa kajian berkenaan manuskrip Melayu berperanan penting dalam memperkaya leksikon bahasa Melayu serta sebagai tinjauan satu sejarah kata atau bidang leksikografi. Penerbitan pendeskripsian sesebuah leksikon sangat memberikan kesan kepada pembacanya. Namun, kajian berkaitan aspek leksikon dalam manuskrip Nusantara dilihat kurang diberikan perhatian. Keadaan ini berlaku disebabkan manuskrip Melayu sukar untuk dibaca kerana terdapat dalam bentuk tulisan jawi dengan penggunaan pelbagai bentuk dan gaya. Kesukaran yang berlaku menyebabkan berlakunya masalah penguasaan dan kekurangan leksikon dalam kalangan masyarakat. Selain itu, Ahmad Misbah Muhamad Hilmi (2014) mengatakan bahawa manuskrip mempunyai gaya bahasa klasik dan istilah tertentu. Istilah kedaerahan yang sukar difahami dan tidak digunakan lagi pada masa kini dilihat menyukarkan pembaca untuk memahami dan menghayati isi teks sesebuah manuskrip. Keguguran sebilangan perkataan dalam naskhah lama mengakibatkan setengah-setengah fakta diragui kesahihannya. Maka, kajian yang mengetengahkan mengenai leksikon yang terkandung dalam manuskrip Melayu Tradisional ini dapat dijadikan panduan oleh pembaca untuk memahami isi teks naskhah lama dengan lebih mudah dan teliti menerusi bukti-bukti yang sahih, iaitu berdasarkan leksikon berunsur sosiobudaya yang terkandung dalam manuskrip tersebut.

Seterusnya, Shaharir Mohamad Zain (2013) telah menjelaskan mengenai kehilangan istilah yang telah wujud sebelum abad ke-20 masihi. Beliau menjelaskan mengenai lesapnya sukatan Melayonesia. Sukatan Melayonesia awal Islam yang telah lesap ialah sukatan jarak seperti *kelui/kelor/kelu* dan *gorah bumi*, sukatan dakwat seperti *koci*, kepantasan seperti *panga* serta berat emas dan logam berharga seperti *keneri*. Malah, banyak juga leksikon yang masih terdapat dalam Kamus Dewan atau Kamus Besar Bahasa Indonesia tetapi sudah tiada yang mengetahui atau menggunakannya lagi seperti *gaz*, *rian*, *tukal*, *bahara*, *leng*, *cupak*, *pikul*, *koyan*, *gantang* dan *farsakh*. Leksikon dalam kategori *tahun perjalanan*, *farsakh* dan *mil* yang terdapat dalam manuskrip *al-Ranyry* juga didapati telah lesap. Kupasan ini jelas membuktikan berlakunya kehilangan leksikon yang telah wujud sejak zaman dahulu. Maka, pernyataan masalah ini selaras dengan tujuan kajian ini yang dijalankan bukan sahaja bagi membuktikan kekayaan leksikon Melayu malah bagi memelihara leksikon Melayu yang telah wujud sejak dahulu bagi digunakan oleh masyarakat zaman kini tanpa sekatan. Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid (2014) juga telah mengatakan sangat malang

bahasa Melayu dianggap bahasa rojak ketika ini dan seperti tidak mempunyai identiti tersendiri yang selaras dengan budayanya. Malah, turut dinyatakan perlunya penggunaan sistem kebahasaan yang betul dan penerapan leksikon yang bersesuaian dalam bidang sains dan teknologi meskipun tidak dapat mengelak daripada meminjam bahasa lain. Hal ini membolehkan kemampuan bersaing terbina berdasarkan kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa sains dan teknologi seperti negara Perancis dan Jerman yang menggunakan bahasa ibunda mereka.

Hal ini selaras dengan pernyataan Awang Sariyan (?) yang menjelaskan leksikon sememangnya mudah untuk terjebak dengan fahaman yang bersikap tulen melulu atau terbuka melulu. Namun, pada asasnya kita perlu memberi fokus kepada leksikon yang sudah wujud dalam bahasa Melayu atau melakukan perubahan menggunakan sistem morfologi bahasa Melayu dan dibolehkan mencipta bentuk baharu dengan mengambil bentuk asal kata tetapi diselaraskan dengan sistem sebutan dan morfologi bahasa Melayu. Beliau turut menjelaskan fenomena yang agak nyata adalah mengenai percampurbauran yang berlaku antara bentuk bahasa rasmi dengan basahan, baik yang melibatkan aspek leksikon, tatabahasa dan sebutan. Turut dijelaskan isu yang sehingga kini masih memenuhi minda sejumlah pendidik bahasa Melayu ialah berkenaan aspek leksikon, tatabahasa, sebutan dan ejaan. Maka, penggunaan leksikon yang bercampur-baur dan tidak bersesuaian dengan konteks dapat diatasi menerusi kajian ini yang menumpukan kepada usaha untuk mengembalikan semula leksikon Melayu sedia ada untuk digunakan dalam komunikasi lisan dan tulisan masyarakat zaman kini.

Selain itu, Mohamad Azhar Mohd Abas (2015) ketika berucap merasmikan Seminar Mengantarabangsakan Bahasa Melayu 2015 telah menjelaskan berlakunya pencemaran bahasa kebangsaan oleh rakyat Malaysia sendiri yang lebih memilih untuk menggunakan leksikon yang kurang tepat, mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa asing dan juga menggunakan tatabahasa Melayu yang tidak tepat. Zaharani Ahmad *et. al* (2011) pula mengatakan bahawa penyerapan kata asing bukan hanya membawa masuk leksikon baharu tetapi turut disertai dengan sistem nahunya yang boleh membawa kepada pertembungan antara sistem linguistik bahasa sasaran dengan sistem linguistik bahasa sumber. Menurut beliau juga, penyerapan leksikon asing akan mencetuskan gejala kebahasaan, iaitu bahasa rojak yang jika tidak dikawal, bahasa dan bangsa Melayu akan kehilangan jati diri dan identiti di tanah Melayu ini sendiri. Maka, penggunaan semula leksikon lama dapat mengurangkan kemasukan leksikon asing serta menghapuskan stigma berkenaan kelemahan bahasa Melayu. Malah, penggunaan semula leksikon Melayu yang hadir menerusi manuskrip Melayu tradisional ini akan dapat mencerminkan kekayaan leksikon Melayu sekali gus memperkasakan kembali bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, penguasaan leksikon dalam kalangan masyarakat turut bergantung kepada keadaan sosial dan budaya masyarakatnya. Kurniawan (2013) mengatakan bahawa penggunaan sesebuah bahasa untuk berinteraksi antara masyarakat memperlihatkan berlakunya keadaan yang tidak selaras. Kepelbagaian bahasa merentas zaman yang

wujud berdasarkan ujaran yang dihasilkan oleh seseorang memperlihatkan perbezaan dari sudut penggunaan intonasi dan kata. Masalah yang mengaitkan penggunaan bahasa dengan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat tersebut berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan mengenai perkaitan aspek bahasa dengan keadaan budaya dan sosial sesebuah masyarakat. Rais Yatim (2017) mengatakan orang Melayu kini sudah hilang budaya dan warisannya, termasuklah kehilangan bahasanya. Pelbagai aspek dalam budaya juga telah hilang dan menjadi pengikut budaya barat.

Maka, masalah tersebut bersesuaian dengan objektif kajian ini, iaitu untuk merumuskan perkaitan leksikon berunsur sosiobudaya dengan latar sosial dalam manuskrip Melayu tradisional. Penerapan leksikon yang terkandung dalam manuskrip Melayu tradisional dilihat bukan sahaja dapat memperkayakan leksikon Melayu serta mengatasi masalah penguasaan leksikon, malah turut dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan bahasa, budaya dan sosial masyarakat, termasuklah bagi tujuan interaksi dan komunikasi seharian. Hal ini selaras dengan pernyataan Abdul Razak Abdul Karim (1994) yang mengatakan bahawa bagi tujuan memperkaya leksikon bahasa Melayu serta tinjauan sejarah kata ataupun leksikografi, kajian berkenaan manuskrip Melayu lama amat penting kerana bertindak sebagai bukti bertulis bahasa Melayu terawal.

1.3 Persoalan Kajian

- i- Apakah terdapat leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu tradisional?
- ii- Apakah perkaitan leksikon berunsur sosiobudaya dengan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013)?
- iii- Apakah perkaitan antara leksikon berunsur sosiobudaya dengan latar sosial dalam manuskrip Melayu tradisional?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- i- Mengkategorikan leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu tradisional berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988).
- ii- Menganalisis leksikon berunsur sosiobudaya menggunakan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013)
- iii- Merumuskan perkaitan antara leksikon berunsur sosiobudaya dengan latar sosial dalam manuskrip Melayu tradisional.

1.5 Kepentingan Kajian

Pertama, kajian ini berkepentingan kepada pihak kerajaan dan juga badan yang berkaitan, termasuklah kepada tenaga pengajar dan guru. Penguasaan leksikon atau

perbendaharaan kata akan memberikan kesan yang positif terhadap kemahiran berbahasa, terutamanya terhadap aspek pertuturan dan komunikasi. Masalah penguasaan leksikon dapat dilihat menerusi pernyataan Muhammad Saiful Haq Hussin (2002) yang menjelaskan berlaku kelemahan dalam kalangan murid terhadap penguasaan aspek suku kata, leksikon, frasa serta ayat. Keupayaan berbahasa seseorang dapat dilihat menerusi penguasaan leksikon yang menjadi elemen penting ketika berkomunikasi. Kemahiran bertutur dengan baik dapat dilaksanakan apabila leksikon sesebuah bahasa dapat dikuasai dengan baik. Selain itu, kehadiran leksikon berunsur sosiobudaya yang dicungkil menerusi kajian ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah penguasaan leksikon Melayu serta memperluas pengetahuan dan pengalaman seseorang malah turut menjadi cerminan masyarakat dahulu yang meletakkan bahasa ibunda di tempat yang tertinggi sehingga banyak menghasilkan leksikon yang bervariasi. Maka, akan lahir individu dan pelajar yang mahir dan kaya dengan leksikon Melayu, terutamanya leksikon asas yang dilihat hadir menerusi manuskrip Melayu.

Selain itu, pelbagai ilmu mengenai perundangan, kebahasaan, perubatan, jampi dan mantera serta astronomi turut terkandung dalam manuskrip Melayu, sehingga meletakkan manuskrip itu sendiri sebagai elemen yang memberikan keharmonian kepada kehidupan masyarakat peribumi Melayu. Muhammad Pauzi Abd Latif (2015) mengatakan terdapat pelbagai bidang ilmu dalam manuskrip lama, termasuk ilmu perubatan, pelayaran dan hisab yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat pada abad ke-17 hingga ke-19 Masihi. Keutamaan kepada pengumpulan ilmu yang telah dikumpul oleh masyarakat Melayu dahulu akan memberikan kesan kepada pembangunan bidang ilmu sekarang. Jika dibiarkan tanpa penelitian yang lebih mendalam, ilmu tersebut akan kabur dan hilang sehingga tidak dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Jelas, kajian ini berupaya untuk turut bersama dalam lorong perjuangan yang telah dilaksanakan oleh badan-badan berkaitan.

Selanjutnya, kajian ini dilihat dapat memberikan impak positif kepada para pengkaji sedia ada dan juga bakal pengkaji. Penerokaan mengenai leksikon berunsur sosiobudaya ini dilihat sebagai salah satu usaha pejuang bahasa dalam menggambarkan keagungan bahasa ibunda serta mengembalikan istilah Melayu yang kebanyakannya dianggap sudah hilang seperti yang dinyatakan oleh Shahrir Mohamad Zain (2013), iaitu berlaku kehilangan istilah yang wujud sebelum abad ke-20 masihi. Penelitian gabungan leksikon berunsur sosiobudaya dengan manuskrip hak milik bangsa Melayu ini mampu menggambarkan kegemilangan bahasa, budaya dan sosial masyarakat dahulu. Hal ini sekali gus dapat mempengaruhi pembentukan pemikiran masyarakat, terutamanya golongan pengkaji dan bakal pengkaji yang berkaitan untuk lebih komited terhadap usaha meningkatkan penguasaan leksikon seterusnya menjadi cerminan kepada kekayaan leksikon Melayu yang telah hadir sejak dahulu. Kehadiran kajian ini juga berupaya meningkatkan lebih banyak penelitian mengenai aspek leksikon dalam manuskrip Melayu, terutamanya terhadap manuskrip Melayu yang masih belum diterokai.

Seterusnya adalah kepada pihak masyarakat. Masyarakat, terutamanya pelajar akan dapat menggunakan kupasan dalam kajian ini sebagai sebuah rujukan dengan penelitian mengenai kegemilangan bangsa Melayu menerusi leksikon Melayu. Kajian ini turut memberi impak yang positif dalam usaha mengatasi masalah penguasaan leksikon yang terhad dalam kalangan pelajar sekolah, mahasiswa universiti serta golongan peribumi. Selain itu, peningkatan terhadap penguasaan leksikon asas turut dapat mengurangkan kemasukan leksikon asing, terutamanya dalam urusan seharian. Zaharani *et. al* (2011) menjelaskan kemasukan leksikon asing akan mengakibatkan berlaku gejala kebahasaan yang akan menghilangkan identiti dan jati diri bangsa dan bahasa Melayu di tanah air sendiri. Malah, masyarakat akan lebih menghargai kekayaan leksikon Melayu yang telah hadir sejak zaman dahulu menerusi pendedahan langsung mengenai leksikon dalam kajian ini.

1.6 Skop Kajian

Kajian akan memfokuskan leksikon berunsur sosiobudaya yang terkandung dalam manuskrip Melayu tradisional. Penggunaan “tradisional” dalam konteks kajian ini selaras dengan pernyataan yang telah dikemukakan oleh Amin Sweeney (1991). Beliau menjelaskan “tradisional” dalam konteks sastera Melayu tradisional sebagai rangkuman semua naskhah atau manuskrip yang dihasilkan oleh masyarakat pracetak termasuklah litografi yang menggunakan format pernaskhahan demikian. Kajian ini juga hanya membataskan kepada manuskrip Melayu tradisional abad ke-19. Perkaitan antara “tradisional” dengan abad ke-19 selaras dengan pernyataan Amin Sweeney (1991) yang menjelaskan kebanyakan naskhah Melayu yang masih wujud sehingga kini berasal dari abad ke-19. Manuskrip yang dipilih ialah manuskrip Hikayat *Ahmad Muhammad*, manuskrip *Syair Siti Zubaidah Perang China* dan manuskrip *Syair Madhi*. Menurut Hashim Ismail (1996), tarikh yang tercatat di halaman terakhir teks manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* ialah 18 April 1867M bersamaan 13 Zulhijjah 1287H. Liaw Yock Fang (2011) pula menjelaskan manuskrip *Syair Siti Zubaidah* bertarikh 1840M. Manakala, manuskrip *Syair Madhi* telah dihasilkan pada tahun 1849-50 T.M (Abdul Rahman Kaeh, 1997).

Justifikasi pemilihan manuskrip abad ke-19 tersebut selaras dengan pernyataan Siti Fathimah Abdul Halim (2014) yang mengatakan bahawa abad ke-18 hingga ke-19 merupakan era penguasaan pihak kolonial Barat. Hal ini memperlihatkan berlakunya perubahan ketika fasa kolonial yang mengurangkan kuasa pihak Istana sebagai skriptoria. Malah zaman ini memperlihatkan peningkatan minat terhadap manuskrip Melayu yang dianggap berperanan sebagai bank data bertulis mengenai kehidupan sesuatu masyarakat sehingga era tersebut menjadi titik perubahan ke arah tradisi mengumpul dan menyalin manuskrip. Fasa yang memperlihatkan kemasukan kolonial Barat serta peningkatan minat terhadap manuskrip Melayu dalam kalangan masyarakat pastinya memberikan impak terhadap penghasilan dan penciptaan sesebuah leksikon.

Justifikasi pemilihan manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* selaras dengan pernyataan Hashim Ismail (1996) mengatakan bahawa *Hikayat Ahmad Muhammad* menampilkan amanat keteguhan ikatan tali persaudaraan. Konflik yang berlaku dapat diselesaikan atas dasar kekeluargaan. Selain itu, amanat untuk menanam aspek-aspek akidah Islam turut diselitkan menerusi ciri pemilikan pada setiap watak yang mendukungi cerita. Pemilihan manuskrip *Syair Siti Zubaidah Perang China* pula sesuai dengan pernyataan Abdul Rahman Al-Ahmadi (1994) yang mengatakan bahawa syair ini merupakan bahan yang penting dalam kajian sastera serta peristiwa sejarah. Kajian mengenai manuskrip ini dapat mengetengahkan sisi-sisi hubungan perang damai di antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Manakala, Abdul Rahman Kaeh (1997) menjelaskan bahawa sejumlah peristiwa yang dirangkai dalam *Syair Madhi* mempunyai fungsi yang dapat menunjang tema utamanya seperti ketahanan jiwa yang hadir menerusi perwatakan watak utamanya. Malah, *Syair Madhi* dilihat sebagai sesuatu yang cukup menyenangkan dan mencapai “longo” yang dicari menerusi setiap karya sastera. Selain itu, beliau menyifatkan *Syair Madhi* sebagai satu cerita yang memberi rasa suasana alam dan masyarakat serta adat-istiadat masyarakat Melayu di Nusantara biarpun menyebut tentang Parsi dan Maghribi sebagai latar tempat.

Pernyataan di atas jelas memperlihatkan manuskrip-manuskrip yang dipilih merupakan manuskrip yang membawa bersama unsur sosiobudaya yang sekali gus menjadi cerminan bangsa Melayu pada zaman dahulu. Penerapan elemen kekeluargaan, ketaatan kepada negara, penerapan akidah Islam serta adat istiadat yang diketengahkan bukan sahaja bertindak sebagai cerminan keagungan bangsa malah membuktikan kekayaan leksikon yang terkandung dalam manuskrip tersebut. Hal ini selaras dengan objektif utama kajian, iaitu untuk melihat dengan lebih jelas mengenai perkaitan yang berlaku terhadap penggunaan leksikon berunsur sosiobudaya dengan perkembangan kehidupan bermasyarakat sehingga menjadi cerminan bagi masyarakat zaman kini.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Leksikon

Leksikon menurut PRPM ialah kamus serta perbendaharaan kata sesebuah bahasa atau sesuatu bidang. Menerusi *Oxford Advance Learner's Dictionary* (2010) pula, leksikon merupakan semua perkataan dan frasa yang digunakan dalam bahasa, subjek serta kumpulan masyarakat tertentu, senarai perkataan mengenai subjek atau bahasa tertentu dalam susunan abjad serta kamus, terutamanya kamus mengenai salah sebuah bahasa Kuno. Seterusnya, *Collins Concise English Dictionary* (1978) menjelaskan leksikon sebagai kamus, terutamanya bagi bahasa Kuno serta perbendaharaan kata khas seseorang pengarang, bidang pengajian dan lain-lain. Menurut *Webster's New Explorer Dictionary and Thesaurus* (1999), leksikon ialah kamus serta perbendaharaan kata mengenai bahasa, pembicara atau subjek.

Selain itu, leksikon menurut Kridalaksana (1982) ialah komponen bahasa yang mengandungi semua maklumat mengenai makna dan penggunaan kata dalam sesebuah bahasa. Manakala, Swahnell (1986) pula menerangkan leksikon sebagai keseluruhan kata atau perbendaharaan istilah atau kata yang memfokuskan kepada konsep-konsep tertentu yang dimiliki oleh seseorang atau sesebuah bahasa dalam sesuatu lingkungan. Menerusi kajian ini, leksikon yang diketengahkan ialah leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu tradisional yang dapat menjadi cerminan kepada keagungan bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Leksikon yang menggambarkan unsur sosiobudaya tersebut dinilai berdasarkan konsep yang telah dijelaskan dalam Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988).

1.7.2 Sosiobudaya

Menurut PRPM, sosiobudaya merupakan hubungan masyarakat dengan budaya seperti adat istiadat, cara hidup dan lain-lain. *Oxford Advance Learner's Dictionary* (2010) pula menjelaskan sosiobudaya sebagai unsur yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat. Namun, sosiobudaya tidak terdapat dalam *Collins Concise English Dictionary* (1978) dan *Webster's New Explorer Dictionary and Thesaurus* (1999). Selain itu, Wexler (1987) menjelaskan bahawa sosial ialah berkenaan dengan sifat dasar daripada setiap individu manusia. Larson & Smalley (1972) pula mengatakan bahawa budaya sebagai "*blue print*" yang membawa kepada pembentukan perilaku seseorang dalam sesebuah komuniti dalam kehidupan berkeluarga.

Sosiobudaya menerusi kajian ini disifatkan sebagai hubungan budaya dengan masyarakat, termasuklah cara hidup serta adat yang terkandung dalam manuskrip Melayu tradisional menerusi leksikon menggambarkan berkenaan sosiobudaya masyarakat. Sosiobudaya yang diujikan dalam kajian ini mengetengahkan perkaitan antara unsur budaya yang terkandung dalam Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988), iaitu Ekologi, Bahan budaya dan artifak, Budaya sosial, Organisasi, adat dan konsep serta Gerak laku dan tabiat dengan leksikon yang terkandung dalam manuskrip Melayu tradisional.

1.7.3 Manuskrip Melayu

Manuskrip menurut PRPM ialah naskhah, buku dan lain-lain yang mula dibuat (sebelum cetak) dalam bentuk bertulis tangan atau bertaip. Selain itu, manuskrip Melayu merupakan segala bentuk tulisan tangan yang menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu, iaitu berkenaan dengan alam dan tamadun Melayu dan sekurang-kurangnya berusia 100 tahun (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014). Seterusnya, *Oxford Advance Learner's Dictionary* (2010) pula menjelaskan manuskrip sebagai buku atau dokumen yang sangat lama dan ditulis dengan tangan sebelum dicetak. Selain itu, *Collins Concise English Dictionary* (1978) menjelaskan manuskrip sebagai buku, artikel dan lain-lain bahan bertulis, terutamanya salinan pengarang berkenaan karya yang dihasilkan serta hasil penulisan yang berbeza dengan bahan bercetak.

Manakala, manuskrip menurut *Webster's New Explorer Dictionary and Thesaurus* (1999) sebagai komposisi atau dokumen bertulis serta dokumen yang dihantar bagi tujuan penerbitan. Mohd Hilmi Md Rifin & A. N. Zainab (2007) pula menjelaskan manuskrip sebagai dokumen bertulisan tangan dalam bahasa Melayu yang ditulis menggunakan skrip Jawi serta muncul pada awal abad ke-14 dan berakhir pada awal abad ke-20. Berdasarkan kupasan pengertian di atas, manuskrip dalam konteks kajian ini merupakan sebuah dokumen abad ke-19 bertulisan Jawi dengan ejaan Rumi yang melambangkan ketertinggalan ketamadunan bahasa dan bangsa Melayu menerusi leksikon yang digunakan.

1.7.4 Tradisional

Oxford Advance Learner's Dictionary (2010) menjelaskan tradisional sebagai sebahagian daripada kepercayaan, adat atau cara hidup lama sesebuah kumpulan tertentu serta kaedah dan idea yang lebih lama dan berbeza daripada moden. Manakala, *Webster's New Explorer Dictionary and Thesaurus* (1999) mendefinisikan tradisional sebagai sesuatu yang diwariskan, diwujudkan atau pola pemikiran atau tindakan termasuklah penyerahan kepercayaan dan kebiasaan tanpa arahan bertulis secara turun-temurun. *Collins Concise English Dictionary* (1978) pula menjelaskan tradisional sebagai diserahkan atau mengikuti tradisi dan konvensional serta tradisional diletakkan secara bersama dengan tradisi dan secara tradisinya.

Selanjutnya, Amin Sweeney (1991) menjelaskan istilah “tradisional” dalam konteks sastera Melayu tradisional adalah berdasarkan kaedah atau medium penghasilannya. Golongan tersebut merangkumi semua manuskrip atau penerbitan yang dihasilkan oleh masyarakat pracetak serta litografi yang menggunakan format sedemikian. Naskhah tersebut di antaranya ada yang nama pengarang atau penyalinnya tidak diketahui dan bersifat awanama. Walaupun tidak mempunyai nama pengarang, proses di bahagian katalog tidak akan terjejas. Naskhah yang dikatalog adalah naskhah yang berbentuk litografi, disimpan di tempat khusus dan mempunyai edisi-edisi teks berbentuk Jawi dan Rumi. Maka menerusi kajian ini, tradisional merupakan manuskrip Melayu yang merangkumi ciri-ciri seperti yang telah dinyatakan oleh Amin Sweeney (1991) serta mengandungi mesej dan leksikon berunsur sosiobudaya yang dapat bertindak sebagai cerminan adat, tingkah laku dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat secara warisan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1994). *Syair Siti Zubaidah Perang China Perspektif Sejarah (Transliterasi daripada manuskrip asal)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Rahman Kaeh. (1997). *Syair Madhi Citra Melayu Nusantara (Transliterasi daripada manuskrip asal)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Rahman Kaeh. (1983). Panji Narawangsa: Analisa Struktur dan Fungsi Bahasa dalam Hubungannya dengan Pendidikan. Tesis Doktor Falsafah. Malang: Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan.
- Abdul Razak Abdul Karim. (1994). Manuskrip Surat Kebenaran Berniaga oleh Raja Aceh kepada Kapitan Inggeris 1601: Satu Analisis Linguistik. *Jurnal Filologi Melayu*, 3, 49-67.
- Abdul Razak Abdul Karim. (1996). Manuskrip Surat-surat Francis Light: Suatu Analisis Aspek Kosa. *Jurnal Filologi Melayu*, 5, 1-13.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi (*The Malay Language At Crossroads: Between Identity and The Onslaught Of Globalisation*). *Kemanusiaan*, 16 (2009), 59-81.
- Adi Yasran Abdul Aziz & Halimah Hassan. (2009). Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam Manuskrip Undang-undang Pelabuhan Kedah. *Jurnal ASWARA*, 4 (2), 129-139.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Warisan Budaya Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban* (9), 1-10.
- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi. (2014). Kajian Manuskrip *Hujjatul Balighah*: Satu Tinjauan Awal. Dlm. *Prosiding International Conference On Postgraduate Research 2014*. 1-2 Disember 2014. Kuala Lumpur: Malaysia, 277-283.
- Ahmat Adam. (2010). Menjenguk Kembali Sejarah Melayu: Persoalan Resensi dan Tarikh Dalam Naskhah Krusenstern". Dlm. *Prosiding Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*. Alor Star, 27 Jun 2010 & Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 3 November 2010.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017). Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea. *International Journal of West Asian Studies*, 9 (1), 25-38.
- Amin Sweeney. (1980). *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature*. Berkeley: Center for South and South East Asia Studies, University of California.

- Amin Sweeney. (1991). Isu-Isu Pengelasan dalam Bahasa dan Sastra Melayu. Dlm. *Seminar Serantau Pendokumentasian Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmak Hj Ali & Fatimah Hj Salleh. (2013). Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal. Dlm. Prosiding *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*. IAIN Al-Raniry, Banda Aceh: Aceh, 228-237.
- Atikah Abd. Azam & Othman Yatim. (2012). Manuskrip Lama: Asas Keupayaan dan Kearifan Melayu Tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 30 (1), 29-39.
- Awang Asbol Haji Mail. (2015). Imej Telur dan Ayam dalam Masyarakat Melayu Brunei: Hubungannya dengan Folklor dan Sejarah. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 3 (1), 19-30.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (?). Isu Sistem Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Dilayari pada November 2017 di laman web klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2622
- Aziz Deraman. (2007). Pengukuhan bahasa dan pemikiran Melayu serantau. Dlm Irwandy. *Bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia menyongsong 2025*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 3-22.
- Azmi, A.A. (2012). Fungsi Ujaran Direktif pada Novel *The Ballad of Lucy Whipple* Karya Karen Cushman: Kajian Sociolinguistik. Tesis Sarjana. Jawa Barat: Universiti Widyatama.
- Barzegar, H. (2008). Translation of Colloquial Expressions in English-into-Persian Subtitled Films. Dilayari pada 3 Februari 2018 di laman web <http://www.translationindustry.ir/Uploads/Pdf/Translation%20of%20Colloquial%20Expressions%20in%20English.pdf>
- Celce-Mucia, M., Larsen-Freeman, D. & Alan Williams, H. (1999). *The Grammar Book An ESLEFL Teacher's Course*. Boston: Heinle & Heinle
- Chaer, A. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Chaer, A. (1995). *Sociolinguistik Suatu Pengantar*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Chaer, A. (2004). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Chaer, A & Agustina, L. (1995). *Sociolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta:

Rineka Cipta.

- Chae, A. & Agustina, L. (2004). *Sosiolinguistik: Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaika, E. (1982). *Language: The Social Mirror*. Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Collins Concise English Dictionary*. (1st ed). (1978). United States of America: Rand McNally & Company.
- Daghoughi, S. & Hashemian, M. (2016). Analysis of Culture-Specific Items and Translation Strategies Applied in Translating Jalal Al-Ahmad's by the Pen. *English Language Teaching*, 9 (4), 171-185.
- De Vito, J. A.(1970). *Psychology of Speech and Language: An Introduction to Psycholinguistics*. New York: Random House.
- Ding Choo Ming. (1997). Skiptoria Melayu: Tinjauan Umum. Dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. (Ed). (p.p 217-226). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ding Choo Ming. (2009). Kearifan Lokal dalam Naskhah Nusantara di Pinggir abad ke-19. Dlm. Ding Choo Ming, Henri Chambert-Loir & Titik Pudjiastuti. *Kearifan Lokal yang terkandung dalam Manuskrip Lama* (eds). (p.p. 143-167). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Dolezal, F. (2012). Dictionaries of Early Modern Europe: Lexicography and the Making of Heritage. *International Journal of Lexicography*, 25 (3), 362-367.
- Ekadjati, H. S. (2007). Pengetahuan Geografi Masyarakat Sunda Berdasarkan Manuskrip Sunda Kuno dan Catatan Perjalanan Orang Portugis. *Sari*, 25, 23-40
- Ermy Azziaty Rozali. (2016). Manuskrip 'Hikayat Perang Setambul' dan 'Hikayat Peperangan Al-Maulana Sultan Istanbul Yang Bernama Abdul Hamid Khan: Sejarah Peperangan Daulah Turki Uthmaniyah dan Rusia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43 (2), 23-50.
- Fadaee, E. (2011). Translation Naturalness in Literary Works: English to Persian. *Internal Journal of English and Literature*, 2 (9). Dilayari pada 1 Februari 2018 di laman web <http://www.academicjournals.org/ijel>.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip *Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani*, Prosiding dari

Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Malaysia.

- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi. (2012). Perubahan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7 (1). 149-162.
- Fasold, R. (1993). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Blackwell
- Fairuzah Basri, Salmah Hj. Ahmad & Syukri Yeoh Abdullah. (2013). Manuskrip 'Umdat Al-Muhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufradin: Sumbangan Karya Abad ke-17 Masihi dalam Pembinaan Masyarakat Melayu Kini. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (IMAN)*, 1 (2), 31-43.
- Finocchioro, M. (1974). *English as a Second Language: From Theory To Practice*. New York: Regents Publishing Company.
- Fishman, J. A. (1972). *Sociolinguistics: A Brief Introduction*. New York: Newbury House.
- Gullick, J. M. (1978). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadenan Towpek & Zulqarnain (2012). Konsep Mudarabah Menurut Syeikh Daud Al-Fatani. *Jurnal Kajian Hukum Islam*, 12 (1), 25-42.
- Halliday, M. A. K. (1973). The functional basis of language. Dlm *Applied Studies towards a Sociology of Language, Vol 2, Class, Codes and Control*. (p.p 343-366). United Kingdom: Routledge and Kegan Paul.
- Halliday, M. A. K. (1990). "The construction of knowledge and value in the grammar of scientific discourse: with reference to Charles Darwin's The Origin of Species". In Clotilde de Stasio, et. al (eds) *La Rappresentazione Verbale e Iconica: Valori Estetici E Funzionali*. Atti del XI Congresso Nazionale dell'Associazione Italiana di Anglistica, Bergamo, 24 e 25 Ottobre 1988. Guerini Studio (Milan), 57-80.
- Harun Mat Piah. (2016, Okt 3). Ilmu Perkasihan Manuskrip Melayu. *Berita Harian*, 30.
- Hashim Awang. (1994). Pengkajian Sastra: Pengkaedahan Melayu. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (Ed). *Pengarang, Teks dan Khalayak*. (p.p. 326-335. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1998). *Budaya dan Kebudayaan: Teori, Isu dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya.
- Hashim Ismail. (1996). *Hikayat Ahmad Muhammad (Transliterasi daripada manuskrip asal)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo & Salmah Jan Noor Muhammad (2013). Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Jurnal Kemanusiaan*, 20 (1), 1-22.
- Hasrina Baharum. (2009). Syair Ibadat: Transliterasi Teks dan Analisis Kepengarangan. Tesis. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan Ahmad. (2003, September 14). *Masa Kepada Bangsa Maju. Utusan Malaysia*.
- Hermansyah. (2013). Karakteristik Manuskrip Aceh-Jawi Di Nusantara. Prosiding dari *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*. IAIN Al-Raniry, Banda Aceh, Aceh.
- Holmes, J. (1992). *An Introduction to Sociolinguistics (First Edition)*. London: Longman.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics (Second Edition)*. Edinburgh: Person Education Limited.
- Holmes, J. (2013). *An Introduction to Sociolinguistics (Fourth Edition)*. Abingdon: Routledge.
- Hudson, R. A. (1984). *Invitation to Linguistics*. New York: Basil Blackwell.
- Isu Sistem Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Dilayari pada 11 Disember 2017 di laman web <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2622>
- Jakobson, R. (1960). Linguistics and Poetics. Dlm. Sebeok, T. (Ed). *Style in Language* (pp. 350-377). Cambridge: M.I.T. Press.
- Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali. (2008). Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim oleh Syakh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh*, 5, 197- 215.
- James, K. (2001). *Choose a text, translate it into your language and consider the cultural implications for translation*. Dilayari pada 24 November 2016 di laman web <http://www.birmingham.ac.uk/Documents/college-artslaw/cels/essays/translation-intro/james1.pdf>
- Jelani Harun. (2011). Asal-Usul Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi. *Sari*, 29 (1), 3-35
- Johnson, K. & Johnson, H. (1999). *Encyclopedic Dictionary of Applied Linguistics*. Amerika Syarikat: Blackwell Publishers.
- Kawakib R. Momani & Dana F. Al-Refaei. (2010). A Socio-Textual Analysis of Written Wedding Invitations in Jordanian Society. *LSP Journal (Professional Communication Knowledge Management Cognition)*, 1 (1), 61-80.

- Kridalaksana, H. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis and Introduction to Its Methodology*. (2nd Edition). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Kurniawan, P. T. (2013). Analisis Fonologi dan Leksikologi Bahasa Jawa di Desapakem Kecamatan Gebangkabupaten Purworejo. *Jurnal Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Jawa*, 2 (4), 71-76.
- Lado, R. (1964). *Language Teaching, A Scientific Approach*. New York: McGraw Hill.
- Larson, D. N. & Smalley, W. E. (1972). *Becoming bilingual: A Guide to Language Learning*. California: William Carey Library.
- Liaw Yock Fang. (2011). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik (History of Classic Malay Literature) (Dalam Bahasa Indonesia)*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Mahayudin Yahya. (1996). Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad Ke Tujuh Belas. Dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 24 (pp32-47). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mahmoud A. Al-Khatib. (2008). E-Mails as a Mode of Communication among Jordanian University Students: A Sociolinguistic Perspective. The International Journal of Language Society and Culture. Dilayari pada 3 Februari 2018 di laman web https://www.researchgate.net/profile/Mahmoud_Al-Khatib/publication/237617339_E-Mails_as_a_Mode_of_Communication_among_Jordanian_University_Students_A_Sociolinguistic_Perspective/links/552f6c370cf2acd38cbbf7d6/E-Mails-as-a-Mode-of-Communication-among-Jordanian-University-Students-A-Sociolinguistic-Perspective.pdf
- Mansor M. Dahlan. (2013). Kitab *Bakurah Al-Amami* Karangan Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Kadir: Pendekatan Terjemahan bahasa Melayu Dalam Menjelaskan Sifat-Sifat Salbiyyah dan Ma'ani. Prosiding dari *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*. IAIN Al-Raniry, Banda Aceh: Aceh.
- Marsden, W. (1984). *A Dictionary and Grammar of the Malay Language*, Vol 1. Singapura: Oxford University Press.
- McCrimmon, J. (1963). *Writing with a Purpose (3rd Edition)*. New York: Houghton.
- McDavid, R.I., Jr. (1969). Dialects: British and American standard and nonstandard. Dlm. Hill (ed) *Linguistic Today*. (p.p 79-88). New York: Basic Books.

- Mohamad Azhar Mohd Abas. (2015). Bangsa Sendiri Rosakkan Bahasa Melayu. Dilayari pada 10 Disember 2017 di laman web <https://www.malaysiakini.com/news/319223>
- Mohd Asmadi Yakob, Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Syuhaida Idha Abd Rahim. (2014). Manuskrip Al-Quran dan Ilmu-ilmunya (Ulum Al-Quran) di Alam Melayu: Tumpuan terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid. Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Tahun 2014. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Hilmi Md. Rifin & A. N. Zainab. (2007). *Creating a Digital Library to Handle Manuscripts Using Greenstone*. Prosiding International Conference of Libraries, Information and Society, ICoLIS 2007. 26-27 Jun 2007 di Petaling Jaya, Selangor.
- Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz. (2012). Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya. *Jurnal Kemusiaan*, 19 (1), 1-16.
- Mohd Yusoff Hashim. (1993). Peperangan Melayu di dalam tradisi Pensejarahan Malaysia: Satu Telaah Awal. Dlm *Tamadun Melayu, Vol 1*. Eds. Ismail Hussien, Aziz Deraman & Abdul Rahman Al-Ahmadi. (pp 188-210). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morena Bracaj. (2015). Procedures of Translating Culture-Specific Concepts. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (1), 476-480.
- Muhamad Safwan Mohd A'seri. (2014). Perlis dalam Teks-teks Melayu: Suatu Penelitian Awal. Prosiding Seminar Institusi Raja (SIRaj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis. 12-13 Jun 2014 di Kompleks Dewan Kuliah Kampus Induk UniMAP Pauh Putra, Perlis.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). Memperbaharui Pengarang. Dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. (p.p183-210). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Pauzi Abd Latif. (2015, 24 Jun). Manuskrip Lama Dedah Kehebatan Bangsa. Dilayari pada 2 April 2018 di laman web <https://www.bharian.com.my/node/63216>
- Muhammad Saiful Haq Hussin. (2002). Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun 1 Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 200-223.
- Muhyiddin Yassin. (2014, Mei 26). Pertahan Manuskrip Melayu Sebagai Dokumen Warisan. Dilayari pada 23 Februari 2017 di laman web <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pertahan-manuskrip-melayu-sebagai-dokumen-warisan-1.284089>

- Newmark, P. (1988). *Textbook of Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Noriati A. Rashid. (2005). "Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu". *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 241-244.
- Noor Syahidah Mohamad Akhir. (2014). Karya Utama Syeikh Muhammad Nafis Al-Banjari: Analisa Teks Manuskrip Al-Durr Al-Nafis (MSS 225). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2 (1), 85-92.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mariati Mokhtar & Zaharani Ahmad. (2014). Imej Wanita dalam Undang-Undang Melaka: Pembuktian Linguistik. *Gema Online Journal of Language Studies*, 14 (1), 203-216.
- Nurhayati Rahman. (2008). Agama, Tradisi dan Kesenian dalam Manuskrip *La Galigo*. *Sari*, 26 (14), 213-220.
- Ogilvie, S. (2011). Linguistics, Lexicography and the Revitalization of Endangered Language. *International Journal of Lexicography*, 24 (4). 389-404.
- Othman Mohd Yatim & Mohd. Zamberi A. Malek. (1994). *Meriam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. (8th ed). (2010). London: Oxford University Press.
- Parker, F. R. (1994). *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik (Terjemahan Raja Rahawani Raja Mamat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods (3rd Edition)*. New York: SAGE Publications.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2014). *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Pisol Maidin & S. Salahudin Suyorno. (2013). Etnofarmakologi Melayu-Islam: KearifanTempatan dalam Manuskrip-Manuskrip Perubatan Melayu. Prosiding dari *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*. IAIN Al-Raniry, Banda Aceh, Aceh.
- Portal Islam & Melayu*. (2014, Jun 24). Manuskrip Melayu Bukti Hebatnya Intelektual Melayu Terdahulu. Dilayari pada 19 November 2017 di laman web <http://www.ismaweb.net/2014/06/manuskrip-melayu-bukti-hebatnya-intelektual-melayu-terdahulu/>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. (2016). Dilayari pada 2015-2017 di laman web <http://prpm.dbp.gov.my/>

- Radford, A. (1999). *Linguistics: An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rafiek, M. (2011). Kapal dan perahu dalam Hikayat Raja Banjar: Kajian Semantik. *Borneo Research Journal*, 5, 187-200.
- Robson, C. (2011). *Real World Research: A Resource for Social-Scientists and Practitioner-Researchers (3rd Edition)*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Rais Yatim. (2017, 30 Mac). Cabaran dan Masa Depan Bahasa Melayu. Dilayari pada 10 Disember 2017 di laman web <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cabaran-dan-masa-depan-bahasa-melayu-1.463536>
- Raslin Abu Bakar & Faizal Hilmie Yusof. (2014). Perpustakaan Negara Malaysia: Peneraju Kelangsungan Manuskrip Melayu di Malaysia. Prosiding *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Tahun 2014*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kemusiaan*, 24 (1). 23-49.
- Roslina Abu Bakar & Aone Engelenhoven. (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1 (1), 35-66.
- Rosman, A., Rubel, P. & Weisgrau, M. (2009). *Tapestry of Culture: An Introduction to Cultural Anthropology*. New York: Alta Mira Press.
- Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2013). Pembentukan Diplomatik Melayu dalam Menjalin Hubungan antara Kerajaan. Prosiding *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Tahun 2014*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Samovar, L. A., Porter, R. E. & Jain, N. C. (1981). *Understanding Intercultural Communication*. Belmont: CA Wadsworth Inc.
- Sapir, E & Whorf, B. L. (1921). *Language: An Introduction to the study of speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Schusky, E. L. & Culbert, T. P. (1987). *Introducing Culture*. New Jersey: Englewood Cliffs.
- Shaharir Mohamad Zain. (2012). Sains Kelestarian Mengikut Perspektif Melayu Pra-Islam dan Melayu Islam. *Akademika*, 82 (2), 101-108.
- Shaharir Mohamad Zain. (2013). Muncul-Lesapnya Konsep dan Istilah Asli Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu Sebelum Abad Kedua Puluh Masihi.

Dlm. *Wacana Ke-3 dalam Siri Wacana Kelestarian Ilmu Malayonesia anjuran DBP-PRPUM*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Fathimah Abdul Halim. (2014). Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu. Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Spolsky, B. (1998). *Sociolinguistics*. London: Oxford University Press.

Sudaryanto. (1993). *Metode dan Aneka Teknik Analisis Bahasa: Pengantar Penelitian Wahana Kebudayaan secara Linguistik*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.

Suryadi. (2007). Warkah-Warkah Sultan Buton Muhyiuddin Abdul Gafur kepada Kompeni Belanda, Koleksi Universiteitsbibliotheek Leiden. *Sari*, 25, 187-239.

Suryadi. (2008). Sepucuk Surat dari Seorang Bangsawan Goqa di Tanah Pembuangan (Ceylon). *Wacana*, 10 (2), 214-245.

Swahnnell, J. (1986). *Oxford Modern English Dictionary*. Oxford: Oxford University Press.

Syahrani, A & Akhmad Mansur. (2014). Warkah-warkah Sultan Pontianak: Perbincangan Koleksi dan Kontroversi Kandungan. Dlm. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Tahun 2014*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1-15.

Tarigan, Henry Guntur. (2011). *Pengajaran Kosa Kata*. Bandung: Angkasa.

Terestyenyi, E. (2011). Translating Culture-specific Items in Tourism Brochures. *Journal of Translation and Interpretation* (online), 5 (2). Dilayari pada 31 Januari 2018 di laman web http://www.skase.sk/Volumes/JTI06/pdf_doc/02.pdf

Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid. (2014). Bahasa Melayu baku, bahasa ilmu dan perpaduan. Dilayari pada 10 Disember 2017 di laman web http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140128/re_02/Bahasa-Melayu-baku-bahasa-ilmu-dan-perpaduan

Teo Kok Seong. (2017, 3 September). Bahasa Kebangsaan Sebagai Alat Penyatuan Bangsa. Utusan Online. Dilayari pada 12 Disember 2017 di laman web <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/bahasa-kebangsaan-sebagai-alat-penyatuan-bangsa-1.522261>

Trask, R. L. (1999). *Language: The Basics (2nd Edition)*. Abingdon: Routledge.

- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. (2014). Manuskrip Ilmu Bedil Sebagai Sumber Etnosejarah Teknologi Senjata Api Melayu. *Jurnal Kemamusiaan*, 21 (1), 53-71.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah & Siti Radziah Mustafa.(2014). Naskhah Ilmu Bedil dan Renungan pada Epistemologi Melayu Berhubung Penggunaan Senjata Api. Prosiding *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Tahun 2014*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Wardhaugh, R. (1992). *An Introduction to Sociolinguistics (Second Edition)*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wardhaugh, R. (2002). *An Introduction to Sociolinguistics (Fifth Edition)*. Oxford & Malden (MA): Blackwell Publishers.
- Webster's New Explorer Dictionary and Thesaurus*. (1st ed). (1999). Darien: Federal Street Press.
- Wexler, P. (1987). *Social analysis of education: after the new sociology*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Zaharani Ahmad. (2005). Isu Percanggahan antara Korpus dengan Rumus dalam Kamus: Peranan dan Sumbangan Ilmu Linguistik Teoritis. Dlm *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. (pp. 226-257). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Rodzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeraksanaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu* (6), 13- 27.
- Zainal Kling. (2017, 10 Oktober). Manuskrip Lama Bukti Tamadun Melayu Wujud, Kata Pakar. Dilayari pada 16 November 2017 di laman web <http://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/17989/>
- Zainal Kling. (2017, 14 Oktober). Manuskrip Bukti Kewujudan Tamadun Melayu. Dilayari pada 13 April 2018 di laman web [file:///C:/Users/Acer/Downloads/14_Oktober_2017_Utusan_Borneo_\(PNM\).pdf](file:///C:/Users/Acer/Downloads/14_Oktober_2017_Utusan_Borneo_(PNM).pdf)
- Zuliana, N., Tanjung, F. & Ardi, H. (2013). An Analysis of Language Style Used in the Slogan of Advertisement That Found in the Internet. Abstract of Undergraduate Research, Faculty of Humanities. Bung Hatta University, 2 (2). Dilayari pada 3 Februari 2018 di laman web <file:///C:/Users/Acer/Downloads/1565-5782-1-PB.pdf>
- Zurinah Hassan. (2012). Alam, Pemikiran dan Emosi dalam Pantun Melayu. *Seminar/Festival Pantun Nusantara MASTERA*. Brunei Darussalam.